

6 Disember 2007

PERSATUAN Pengguna Pulau Pinang (CAP) merujuk kepada laporan akhbar baru-baru ini mengenai kenyataan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek yang melahirkan rasa bimbang terhadap kadar berlebihan yang dikenakan oleh hospital swasta bagi pakar runding dan ujian-ujian tidak perlu.

Peraturan Kemudahan Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan Swasta 2006, yang merangkumi hospital swasta, klinik perubatan, klinik gigi dan kemudahan penjagaan kesihatan swasta, berkuat kuasa tahun lalu. Ia merupakan satu cara yang boleh digunakan bagi menjamin hak pesakit.

Ia boleh membantu orang awam mengetahui bahawa, berdasarkan peraturan ini, pesakit mempunyai hak untuk menerima maklumat, apabila diminta.

Hak itu termasuk mengenai bayaran yang dianggarkan bagi perkhidmatan untuk disediakan dan bayaran lain yang tidak dijangka bagi perkhidmatan yang menjadi rutin atau biasa.

Seseorang pesakit juga mempunyai hak untuk dimaklumkan tentang prosedur bayaran yang dikenakan oleh hospital swasta sebelum memulakan penjagaan atau rawatan khusus. Pesakit berkenaan boleh meminta bil terperinci bagi seluruh rawatan tanpa dikenakan sebarang bayaran tambahan.

Orang yang bertugas di sebuah hospital swasta diwajibkan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan pesakit diberikan maklumat mengenai syarat-syarat perubatan mereka dan sebarang rawatan yang disarankan, penyiasatan atau prosedur dan kos rawatan, penyiasatan atau prosedur yang mungkin dikenakan.

Peraturan itu juga menyediakan jadual bayaran untuk menentukan kadar yang boleh dikenakan oleh seorang doktor atau doktor pakar. Jadual ini juga termasuk senarai bayaran menyeluruh yang boleh dikenakan bagi pelbagai prosedur perubatan.

Kementerian Kesihatan boleh membantu dalam bidang ini dengan menegaskan bahawa penerangan mengenai prosedur perubatan yang disenaraikan dalam bil pesakit perlu bersesuaian dengan penerangan jadual bayaran.

Ini akan menjadikannya lebih mudah untuk membanding penerangan di dalam bil dengan penerangan yang disenaraikan dalam jadual ini.

Orang ramai juga perlu menyedari bahawa petugas di hospital swasta mesti mewujudkan pelan mekanisme rungutan pesakit yang termasuk pelantikan seorang pegawai perhubungan pesakit untuk bertindak sebagai penghubung antara seorang pesakit dengan sebuah hospital swasta.

Pesakit yang tidak berpuas hati terhadap sesebuah hospital swasta boleh mengemukakan aduan mereka secara lisan atau bertulis terus kepada pegawai berkenaan, atau melalui profesional penjagaan kesihatan dari hospital tertentu.

Pegawai perhubungan pesakit diharapkan agar mendokumenkan semua aduan yang diterima dan menyelesaikan masalah berkenaan.

Dalam kejadian di mana pegawai berkenaan tidak dapat menyelesaikan aduan, perkara itu perlu dirujuk kepada orang yang bertugas di hospital itu dengan segera atau tidak lewat daripada tiga hari bekerja.

Orang yang bertugas diharapkan supaya memulakan siasatan dan menyediakan jawapan, yang termasuk hasil siasatan, kepada pengadu dalam masa 10 hari bekerja selepas aduan diterima oleh orang yang bertugas.

Jawapan ini seharusnya memberitahu pengadu yang jika dia masih tidak berpuas hati, dia boleh merujuk perkara tersebut secara bertulis kepada Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan.

## Utusan Malaysia : Segera lapor amalan doktor tidak beretika

Written by Administrator

Friday, 11 September 2009 14:38 -

---

align="justify"> </div><p align="justify">Pada masa kini, ketua pengarah juga mengetuai Majlis Perubatan Malaysia ♦ salah satu bahagian disiplin Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan telah menyatakan kepada pihak akhbar yang orang ramai mempunyai hak untuk mengadu kepada Majlis Perubatan Malaysia mengenai amalan doktor yang tidak beretika.</p><div align="justify"> </div><p align="justify">Orang awam perlu mula menggunakan hak mereka dan menyuarakan aduan mereka melalui saluran yang telah disediakan. </p><div align="justify"> </div><p align="justify">Mereka seharusnya mengharapkan tindakan akan diambil ♦ sama ada melalui hospital swasta sendiri, ataupun Kementerian Kesihatan ♦ untuk menangani aduan ini dengan betul.</p> <p>♦ S. M. MOHAMED IDRIS</p> <p>Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang.</p> <p align="justify"> </p>